



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

GARIS PANDUAN ALAT PERLINDUNGAN DIRI (PPE)

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 51 TAHUN 2021

4. GARIS PANDUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

4.1 GARIS PANDUAN ALAT PERLINDUNGAN DIRI (*PPE*)

4.1.1 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kepada staf, pelajar, kontraktor dan pelawat mengenai keperluan dan standard spesifikasi *PPE* yang ditetapkan oleh pihak JKKP bagi memastikan keselamatan sepanjang berada di UT eM.

4.1.2 KEPERLUAN ALAT PERLINDUNGAN DIRI MENGIKUT AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

4.1.2.1 Penggunaan *PPE* adalah **dimestikan** berdasarkan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa seperti berikut:-

- (a) Subperaturan 16(1), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000;
- (b) Peraturan 32, Peraturan-Peraturan (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan) Kilang dan Jentera 1970; dan
- (c) Peraturan-Peraturan Kilang dan Jentera (Pendedahan Bising) 1989.

4.1.2.2 Penggunaan *PPE* juga merupakan langkah terakhir bagi mengawal sebarang bahaya/mudarat dalam melindungi dan mengurangkan risiko kecederaan di tempat kerja.

4.1.3 KATEGORI KELENGKAPAN ALAT PERLINDUNGAN DIRI MENGIKUT BAHAGIAN BADAN

4.1.3.1 Pelindung kepala

Bertujuan untuk melindungi bahagian kepala yang berpotensi menerima kecederaan seperti topi keselamatan. Contoh tempat kerja yang memerlukan pelindung kepala adalah seperti berikut:-

- (a) Tempat berisiko objek jatuh dan terkena kepala seperti di kawasan pembinaan.
- (b) Tempat berisiko terhantuk objek keras seperti di kawasan penyelenggaraan jentera berat.

4.1.3.2 Pelindung mata

Bertujuan untuk melindungi bahagian mata yang berpotensi menerima kecederaan seperti pelindung muka, cermin mata dan sebagainya. Contoh tempat kerja yang memerlukan pelindung mata adalah seperti berikut:-

- (a) Penggunaan bahan kimia yang merengsa mata.
- (b) Menjalankan kerja pateri (*welding*) yang menghasilkan tahap cahaya dan boleh menyebabkan kerosakan mata.
- (c) Menjalankan kerja yang menggunakan peralatan laser berkeamatan tinggi.
- (d) Kawasan kerja yang mempunyai/mendatangkan perkara bahaya/mudarat dengan partikel berterbangan, habuk dan sebagainya.

4.1.3.3 Pelindung pernafasan

Bertujuan untuk melindungi pernafasan yang berpotensi menerima kecederaan seperti topeng gas, alat bantuan pernafasan, topeng penapis habuk dan sebagainya. Contoh tempat kerja yang memerlukan pelindung pernafasan adalah seperti berikut:-

- (a) Pendedahan kepada bahan kimia berbahaya.
- (b) Bekerja di dalam ruang terkurung.
- (c) Pendedahan kepada partikel berterbangan, habuk dan sebagainya.
- (d) Pendedahan kepada bahan biologi seperti bakteria, spora dan sebagainya.

4.1.3.4 Pelindung pendengaran

Bertujuan untuk melindungi pendengaran yang berpotensi menerima kecederaan seperti palam telinga (*ear palm*), penutup telinga (*ear muff*) dan sebagainya. Contoh tempat kerja yang memerlukan pelindung pendengaran adalah seperti berikut:-

- (a) Peralatan yang digunakan menghasilkan kebisingan yang melebihi aras yang ditetapkan seperti mesin gerudi.
- (b) Bekerja di kawasan yang mempunyai tahap kebisingan yang tinggi seperti di bengkel dan sebagainya.

4.1.3.5 Pelindung badan

Bertujuan untuk melindungi badan yang berpotensi menerima kecederaan seperti baju makmal, *coverall*, apron berplumbum (*lead apron*) dan sebagainya. Contoh tempat kerja yang memerlukan pelindung pendengaran adalah seperti berikut:-

- (a) Mengendalikan bahan kimia dalam makmal.

- (b) Mengendalikan bahan terjadual.

4.1.3.6 Pelindung tangan

Bertujuan untuk melindungi tangan yang berpotensi menerima kecederaan seperti sarung tangan getah, sarung tangan penebat dan sebagainya. Contoh tempat kerja yang memerlukan pelindung tangan adalah seperti berikut:-

- (a) Mengendalikan bahan suhu lampau seperti bahan panas dan cecair kriogenik.
- (b) Mengendalikan bahan kimia yang bersifat mengakis.
- (c) Mod kemasukan hazard melalui tangan seperti kejutan elektrik, pendedahan kepada bahan radioaktif dan sebagainya.

4.1.3.7 Pelindung kaki

Bertujuan untuk melindungi kaki yang berpotensi menerima kecederaan seperti kasut keselamatan, kasut jenis *Electrical Static Dissipative* (ESD) dan sebagainya. Contoh tempat kerja yang memerlukan pelindung kaki adalah seperti berikut:-

- (a) Bengkel mekanikal yang berisiko terpijak/tertusuk benda tajam dan objek yang boleh mengenai kaki.
- (b) Bengkel di makmal yang mempunyai risiko tumpahan bahan kimia dan sebagainya.
- (c) Kawasan licin yang berisiko tergelincir.
- (d) Kawasan yang berisiko renjatan elektrik.

4.1.4 SPESIFIKASI

Maklumat lanjut mengenai spesifikasi *PPE* boleh dirujuk terus di laman sesawang JKPP memandangkan terdapat pelbagai jenis *PPE* di pasaran yang disediakan berbeza mengikut kesesuaian di tempat kerja.

4.1.5 BAJET PEMBELIAN ALAT PERLINDUNGAN DIRI

Segala bajet/kos dan segala urusan berkaitan pembelian *PPE* adalah di bawah tanggungjawab PTj masing-masing.